



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Block J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2586900
Fax: 03-2535150

KP (BS) 8591/Jld.XVI (5)
23 Februari 2000

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 5/2000:
Pelaksanaan Komponen Kesusasteraan Melayu
Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah
(Tingkatan I hingga Tingkatan 5) Bermula Tahun 2000

Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua sekolah menengah tentang pelaksanaan komponen Kesusasteraan Melayu sebagai komponen wajib dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

2. Tujuan Komponen

Komponen Kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan minat membaca di kalangan pelajar, serta memperkukuhkan kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis. Di samping itu, pengajaran komponen Kesusasteraan Melayu diharap dapat menyumbang kepada pembentukan sahsiah, peluasan pengetahuan dan persepsi pelajar, serta meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang kemanusiaan, kemasyarakatan dan budaya.

3. Tarikh Pelaksanaan

Komponen Kesusasteraan Melayu akan dijalankan secara berperingkat-peringkat mulai bulan Mac 2000 seperti yang berikut:

Mac 2000 : Tingkatan 1 & Tingkatan 4
Tahun 2001 : Tingkatan 2 & Tingkatan 5
Tahun 2002 : Tingkatan 3

4. Bentuk dan Bilangan Teks

4.1 Bilangan teks bagi setiap tingkatan adalah seperti yang berikut:

- a. Satu novel daripada pilihan 4 judul yang ditetapkan (lihat **Lampiran 1**). Ini bermakna, seorang pelajar hanya wajib membaca dan mempelajari satu novel sahaja bagi setiap tingkatan,
- b. Satu teks antologi yang mengandungi 6 cerpen, 3 drama, 6 puisi moden (sajak), 6 puisi tradisional, dan 4 prosa tradisional (lihat **Lampiran 2**).

- 4.2 Karya-karya sastera dalam bentuk novel dan antologi ini akan diletakkan di bawah **Skim Pinjaman Buku Teks**. Pengagihan novel akan dijalankan mengikut zon. Walau bagaimanapun, kelonggaran akan diberi kepada pihak sekolah untuk memilih judul novel yang sesuai bagi pelajar-pelajar sekolah berkenaan mengikut keupayaan pihak sekolah.

5. **Bahan Kurikulum**

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan Sukatan Pelajaran, dan Huraian Sukatan Pelajaran (Edisi Penyesuaian) dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 bagi menjayakan pelaksanaan program ini.

6. **Peruntukan Waktu**

Dua waktu diperuntukkan kepada komponen Kesusasteraan Melayu daripada enam waktu mata pelajaran Bahasa Melayu.

7. **Penaksiran**


Penaksiran pada peringkat sekolah dan peringkat pusat ialah:

- i. Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai pada Tahun 2001.
- ii. Penilaian Menengah Rendah (PMR) mulai pada Tahun 2002.

8. Sila maklumkan kandungan pekelling ini kepada semua sekolah menengah di negeri Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATO' DR. ABDUL SHUKOR ABDULLAH
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Tan Sri Dato' Musa Bin Mohamad
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz Bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Y.B. Dato' Mahadzir Bin Mohd Khir
Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan
 5. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
 8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 9. Ketua Nazir Sekolah
 10. Pegawai Perhubungan Awam

Teks Novel Di Tingkatan 1 – 5 Bagi Komponen Kesusasteraan Melayu Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Genre	Tingkatan 1	Tingkatan 2	Tingkatan 3	Tingkatan 4	Tingkatan 5
Novel	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meniti Kaca (R. Sabarudin R. Abdullah) 2. Anak Din Biola (Maaruf Mahmud) 3. Aku Anak Timur (Siti Aminah Hj. Yusuf) 4. Limpahan Darah Di Sungai Semur (Zakaria Salleh) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pahlawan Pasir Salak (Mohd. Ismail Sarbini) 2. Tragedi Empat Disember (Dzul Karnain Ithnain) 3. Timulak Kapal Perang (Azmah Nordin) 4. Kapten Hassan Wira Bangsa (Harun Johari) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Panas Salju (Talib Samad) 2. Merdeka! Merdeka! (A. Rahman Hanafiah) 3. Ekspedisi (Mohd. Ghazali Tocheh) 4. Kanang Cerita Seorang Pahlawan (Maznan Noordin) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terminal Tiga (Othman Puteh) 2. Perlumbaan Kedua (Marwilis Hj. Yusuf) 3. Di Hadapan Pulau (A. Samad Said) 4. Bukit Kepong (Ismail Johari) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Konserto Terakhir (Abdullah Hussain) 2. Seteguh Karang (Tuan Faridah Syed Abdullah) 3. Julia (Abu Hassan Morad) 4. Putera Gunung Tahan (Ishak Haji Muhammad)
Drama	<ol style="list-style-type: none"> 1. Baju Emas Sang Maharaja (Johan Jaafar) 2. Bila Retak Kota Melaka (Aziz Jahpin) 3. Jerat (Ria Asmira) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penunggu Pusaka (Zakaria Ariffin) 2. Angin (Baharuddin Razak) 3. Buyung (Jahara Alias) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Asar Belum Berakhir (A. Rahim Abdullah) 2. Adik Berjasa (A. Rahman Hanafiah) 3. Jalan Sempit (Amelia Hashim) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Serunai Malam (Usman Awang) 2. Titik-titik Perjuangan (Kala Dewata) 3. Sri Nara (Shaharom Hussain) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jangan Bunuh Rama-rama (Noordin Hassan) 2. Puteri Li Po (Rahmah Bujang) 3. Kerusi (Hatta Azad Khan)
Puisi Moden (Sajak)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Negeri Cinta (Nahmar Jamil) 2. Seorang Guru Tua (Gunawan Mahmood) 3. Surat dari Kampus (Nawawee Muhammad) 4. Puisi Buat Mama (Adi Badiozaman Tuah) 5. Tasik Biru, Bau, Sarawak (Kemala) 6. Burung Tempua (Abdul Hadi Yusuf) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mata Ayah (Usman Awang) 2. Seuntai Kata untuk Dirasa (A. Samad Said) 3. Bicara Buat Guru (Mohd. Ridzuan Harun) 4. Pesan Tangan kepada Jari (Hilmi Rindu) 5. Cinta (Awang Abdullah) 6. Ruang (Ahmad Razali Hj. Yusuf) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bahasa (Rahman Shaari) 2. Rumah Baru (Haron A.H) 3. Bila Berjauhan (A. Wahab Ali) 4. Ketika Kami Bercerita Tentangnya (Lim Swee Tin) 5. Usia (Siti Zainon Ismail) 6. Wanita Zaman Ini (Aladin Mohamad) 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Tukang Gunting (T. Alias Taib) 2. Keindahan yang Hilang (Shamsuddin Jaapar) 3. Di Kota Kecilku (Baha Zain) 4. Sejarah Melayu (Muhammad Hj. Salleh) 5. Duhai Pentafsir (Zurinah Hassan) 6. Di Ruang Gemanya (Dharmawijaya)

Genre	Tingkatan 1	Tingkatan 2	Tingkatan 3	Tingkatan 4	Tingkatan 5
Puisi Tradisional	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pantun Dua Kerat 2. Pantun Budi 3. Pantun Kanak-kanak 4. Syair Badrul Zaman 5. Syair Ken Tambahan 6. Syair Menyambut Pelajaran 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pantun Perpisahan 2. Pantun Joget Pahang 3. Pantun Teka-teki (Iladam) 4. Syair Pesanan Ibu 5. Syair Nur Alam Shah Lela Putra 6. Syair Mungkir Janji 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pantun Budi 2. Pantun Mengenang Nasib 3. Pantun Peribahasa 4. Syair Cinta Alam Sekitar 5. Syair Yatim Nestapa 6. Syair Tenaga Pemuda 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pantun Nasib 2. Pantun Kiasan 3. Syair Pembunuhan Angreni 4. Syair Dandan Setia dan Intan Terpilih 5. Gurindam Baris Hadapan 6. Seloka Pak Kadok 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pantun Enam Kerat 2. Pantun Lapan Kerat 3. Syair Jong Pecah 4. Syair Kelebihan Ilmu 5. Gurindam Memelihara Anggota dan Hati daripada Kejahatan 6. Seloka Pandai Pak Pandir
Prosa Tradisional	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lebai Malang (Jenaka) 2. Tujuh Puteri Turun ke Dunia (Penglipurlara) 3. Susur Galur Asal-usul Negeri Melaka 4. Keberanian Lima Bersaudara (Epik) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pak Kadok 2. Puteri Besar lahir ke Dunia 3. Puteri Buluh Betung 4. Cerita Kera dengan Buaya 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pak Belalang 2. Hang Tuah Mengalah Tamingsari 3. Raja Bersiung 4. Patung Kencana dari Kuripan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya 2. Peminangan Puteri Gunung Ledang 3. Pertarungan Jebat dan Tuah 4. Sikap Terburu-buru Akan Membawa Padah 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sabor 2. Kezaliman Membawa Padah 3. Asal-usul Raja Kecil 4. Kepahlawanan Tun Berahim Bapa

Teks Antologi Di Tingkatan 1 – 5 Bagi Komponen Kesusasteraan Melayu Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Genre	Tingkatan 1	Tingkatan 2	Tingkatan 3	Tingkatan 4	Tingkatan 5
Cerpen	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hadiah Hari Guru (Rejab F.I) 2. Gema menggegarkan Kota (Timah Baba) 3. Diari Seorang Pengawas (Ali Majod) 4. Makmal ZNF (Shamsinor Zaman Shamsuz Zaman) 5. Sehijau Warna Daun (Zaen Kasturi) 6. Pak Usu (Othman Rasul) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tina (Aminhad) 2. Batu (Rahman Shaari) 3. Buku Catatan Farid Badrul (Mohd. Tajudin Hj. A. Rahman) 4. Mama (Mahaya Mohd. Yassin) 5. Erti Kasih Makna Sayang (Rohana Hassan) 6. Tangan Kanan Kiri atau Keduanya (Tung Wai Chee) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sayang Ayah (Omar Mamat) 2. Pertemuan (Faizati Mohd. Ali) 3. Dugong (Hizairi Othman) 4. Hikayat Mat Jenis (Mohd. Ismail Sarbini) 5. Rahsia (Shazmee Rizal Agus Salim) 6. Anak Bumi Tercinta (Fatimah Busu) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menatap Wajahnya (Siti Hajar Mohd. Zaki) 2. Annyss Sophilea (Nisah Haron) 3. Kerana Manisnya Epal (Faisal Tehrani) 4. Lambaian Malar (Serroja Thevy) 5. Pusaran (S. Othman Kelantan) 6. Budi Yang Tak Terbeli (Khadijah Hashim) 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tragedi (Amil Jaya) 2. Virus Zel untuk Abah (Mawar Shafei) 3. Aku, Kris dan Kristal (Dima Mazlina) 4. Sebutir Pasir Di Kaki (Norhisam Mustafa) 5. Di Sisi Rinda (A. Samad Said) 6. Mariah (Sharif Putera)